Bil : 4 / 2025
no. ISSN 1985 7624

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU





TUAIAN HASIL

April
2025

ISSN 1985 - 7624

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT
Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG
Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG
Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli
Encik Mazli bin Che Mamat
Puan Fatihah binti Amran

SIDANG PENGARANG
Sidang Redaksi Salam

GRAFIK
Encik Mazli bin Che Mamat
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI
Unit Media PPAT

PENERBIT
Sidang Redaksi SALAM
Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu



Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel : 09-622 1100
09-622 0052
Fax : 09-622 1534
E-mel : ppat@trglib.gov.my
URL : https://www.trglib.gov.my

www.trglib.gov.my PPATerengganu ppat@trglib.gov.my ppatterengganu PPAT TV

© 2025 Hak Cipta Terpelihara
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan, ulangkan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.



SAMBUTAN ULANG TAHUN KE – 63 HARI KEPUTERAAN KDYMM SULTAN TERENGGANU

27 April 2025 / 28 Syawal 1446H - Istiadat Penghadapan, Pengurniaan Gelaran dan Bintang-bintang Darjah Kebesaran Negeri Terengganu Darul Iman sempena Sambutan Ulang Tahun ke-63 Hari Keputeraan Sultan Terengganu di Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu.

Sultan Mizan berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (SMZ) Yang Amat Terpilih kepada 23 penerima, Setia Mahkota Terengganu (SMT) Yang Amat Dihormati (13 penerima), Ahli Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (AMZ) Yang Amat Terpilih (21 penerima) dan Ahli Mahkota Terengganu (AMT) Yang Amat Dihormati (42 penerima).

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu merupakan salah seorang daripada 23 penerima Darjah Kebesaran Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (S.M.Z.) sempena Sambutan Ulang Tahun Ke – 63 Hari Keputeraan KDYMM Sultan Terengganu. Setinggi-tinggi tahniah kepada YBrs. Puan Norliza binti Ismail atas pengurniaan tersebut.



MAJLIS PERJUMPAAN DAN RAMAH MESRA BERSAMA KAKITANGAN PPAT 2025

PPAT | 29 April 2025 – Majlis ramah mesra pengarah bersama-sama kakitangan telah berlangsung di Dewan Serbaguna, PPAT. Majlis yang di adakan adalah sebagai tanda penghargaan dan meraikan Pengarah PPAT, Puan Norliza binti Ismail yang akan bertukar ke Unit Pengurusan Maklumat Negeri (UPMN), Pejabat SUK Terengganu berkuatkuasa 4 Mei 2025.

Kesempatan ini, Puan Pengarah menzahirkan rasa syukur atas kepercayaan yang diberikan sepanjang beliau memimpin PPAT. Beliau turut mengucapkan tahniah dia atas segala usaha dan kejayaan yang dikecapi sepanjang tempoh dibawah pentadbiran beliau.

Puan pengarah turut merakamkan ucapan terima kasih di atas kerjasama erat yang diterima daripada seluruh warga kerja serta akan sentiasa mendoakan PPAT terus melakarkan kejayaan pada masa hadapan.

JASAMU TETAP DIKENANG...

Terima kasih atas segala jasa dan kepimpinan yang telah dicurahkan. Selamat maju jaya di masa hadapan kepada Puan Pengarah.



Quote


"JADIKAN
KERJA ITU
ZIKIR,
AGAR
SETIAP
PELUH&KERINGAT
MENJADI
SAKSI
CINTA
KITA KEPADA
TUHAN."

JOM BACA

BERSAMA 10 MINIT SEMPENA SAMBUTAN HARI BUKU & HAKCIPTA SEDUNIA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2025

23 April 2025 | Rabu

Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah dirasmikan oleh YB Haji Ridzuan bin Hashim, Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, bertempat di Dewan Serbaguna, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT).
Program ini berlangsung serentak di seluruh negara bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi sebagai satu inisiatif nasional dalam usaha memupuk dan memperkukuhkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Majlis ini disambut meriah dengan penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pelajar-pelajar, penjawat awam, dan komuniti setempat yang turut serta dalam aktiviti pembacaan serentak selama 10 minit.

Budaya membaca bukan sahaja membuka pintu kepada pengetahuan, malah menjadi jambatan kepada kemajuan diri dan negara. Melalui amalan membaca, masyarakat dapat menimba ilmu secara berterusan, membina pemikiran kritis dan menanam sikap cintakan ilmu dalam setiap generasi. Ilmu yang diperoleh bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi menjadi bekalan dalam membina masyarakat yang berinformasi, berdaya saing dan berintegriti.









Menambahkan lagi keceriaan program, beberapa aktiviti sampingan turut diadakan, antaranya persembahan Poetic Action Song daripada murid-murid Sekolah Kebangsaan Gong Kapas yang memukau para hadirin dengan kreativiti dan semangat cinta ilmu di pamerkan.

Selain itu, Ceramah Membina Persefahaman Dengan Otak Dominan dismpaikan oleh Haji Najib Ibrahim dan Encik Suhaili Kasmat dari Al- Fateh Training And Consultant, membawa peserta mendalami konsep otak dominan – satu topik yang relevan dalam membantu individu memahami cara terbaik untuk berkomunikasi, bekerja dalam pasukan, dan meningkatkan keupayaan berfikir.

Turut diadakan adalah Pertandingan Bina Perkataan (Sahibba) Sekolah Rendah Tahap II yang mewujudkan suasana penuh intelektual dan semangat berdaya saing dalam kalangan peserta muda.





LAWATAN DAN SUMBANGAN BUKU TERBITAN MARDI

24 April 2025 | Khamis

PPAT menerima kunjungan daripada pihak MARDI yang merupakan sebuah institusi penyelidikan di Malaysia. MARDI turut menjalankan kerja-kerja pendokumentasian hasil penyelidikan dalam bentuk penerbitan seperti buku, bulletin, majalah dan sebagainya. Bagi tujuan tersebut, PPAT merupakan salah satu destinasi utama sebagai pusat penyebaran maklumat kepada masyarakat telah dipilih untuk menerima sumbangan buku terbitan MARDI bagi tujuan bacaan, rujukan dan pinjaman sekali gus dapat memupuk minat membaca berkaitan pertanian negara.







Kunjungan telah dihadiri seramai 4 orang kakitangan dari pihak MARDI. Pada masa yang sama, pihak MARDI turut mengambil peluang untuk memperkenalkan Perpustakaan Digital (ELIB) MARDI. MARDI ELIB menawarkan pinjaman buku secara percuma kepada orang awam dan juga bahan bacaan secara atas talian.

Sesi ini telah memberi peluang kepada warga kerja PPAT dan Penerbit MARDI bertukar-tukar pendapat dan pandangan berkaitan penerbitan dan perpustakaan. Terima kasih diucapkan kepada Penerbit MARDI di atas sumbangan yang telah diberikan dan diharapkan sumbangan terbitan MARDI ini dapat memberi manfaat buat warga PPAT dan komuniti setempat.

KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

28 April 2025 | Isnin

Bahagian Pengurusan & Pembangunan Koleksi telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan. Seramai 21 orang pelajar bersama 3 orang guru pengiring daripada Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) Bandar telah mengikuti kursus tersebut.

Antara modul yang diajar dalam kursus ini ialah tatacara kerja sebagai pengawas pusat sumber sekolah, perolehan sumber perpustakaan, mengkatalog, mengelas dan proses teknik. Para peserta turut diberi latihan dan kuiz untuk memberi lebih pemahaman tentang proses mengkatalog bahan. Di akhir kursus, diadakan juga orientasi perpustakaan bagi mendedahkan para peserta kepada perkhidmatan PPAT.











trivia







Syabas & Tahniah

ATAS KEPUTUSAN SPM 2024

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 adalah pencapaian terbaik sejak 2013 dengan catatan Gred Purata Kebangsaan (GPK) 4.49 berbanding 4.60 pada 2023. Bilangan calon memperoleh keputusan cemerlang iaitu Gred A+, A dan A- dalam semua matapelajaran meningkat kepada 14,179 calon atau 3.7 peratus berbanding 11,713 calon pada tahun sebelumnya.

Sumber : Terbitan Jabatan Penerangan malaysia

artikel

BADAN MANUSIA MEMERLUKAN AIR PUTIH



Air merupakan komponen kedua terpenting dalam tubuh manusia selepas oksigen. **Sekitar 60-70% tubuh manusia** terdiri daripada air, menjadikannya elemen yang sangat penting untuk memastikan fungsi tubuh berjalan dengan lancar. Pengambilan air putih yang mencukupi setiap hari adalah kunci untuk memastikan tubuh sentiasa sihat dan cergas.

Bagaimanapun, kebanyakan daripada kita tidak begitu menitikberatkan pengambilan air putih khususnya dengan cukup dalam kehidupan seharian dan lebih gemar untuk mengambil air yang mengadungi gula dan boleh menigkatkan kalori dalam badan.

Jumlah air yang diperlukan oleh seseorang bergantung kepada beberapa faktor seperti umur, jantina, tahap aktiviti fizikal, dan keadaan kesihatan. Lelaki dan wanita memerlukan air dalam jumlah yang berbeza. Lelaki memerlukan sekitar **13 gelas air** sehari manakala wanita memerlukan sekitar **9 gelas air** sehari. Namun keperluan ini meningkat sekiranya seseorang itu aktif secara fizikal, berada di kawasan panas dan sedang mengalami keadaan seperti demam.. Jumlah air ini diperlukan bagi memastikan keseimbangan kesihatan tubuh badan.

* Fungsi Air dalam Badan

Mengawal suhu badan
Air membantu menyejukkan badan melalui proses peluh dan penyejatan, terutamanya semasa cuaca panas atau ketika bersenam.

Membantu proses pencernaan
Air diperlukan untuk menghasilkan air liur, membantu penyerapan nutrien dan melancarkan proses perkumuhan melalui air kencing dan najis.

Mengangkut nutrien dan oksigen
Darah, yang sebahagian besarnya terdiri daripada air, berfungsi mengangkut nutrien dan oksigen ke seluruh sel dalam badan.

Melindungi organ dan tisu
Air berfungsi sebagai pelindung dan pelincir kepada organ dalaman serta sendi-sendi tubuh.

Membuang toksin
Melalui proses perkumuhan seperti berpeluh dan kencing, air membantu menyingkirkan bahan buangan dan toksin dari tubuh.

Tanda-Tanda Kekurangan Air

Kekurangan air (dehidrasi) boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan seperti:

*Rasa haus yang berlebihan
*Mulut dan kulit menjadi kering
*Keletihan dan pening kepala
*Kurang pengeluaran air kencing atau air kencing berwarna pekat
*Kurang tumpuan dan prestasi mental

Air putih adalah sumber kehidupan yang mudah tetapi sangat penting. Mengamalkan tabiat minum air secukupnya setiap hari bukan sahaja dapat meningkatkan kesihatan secara menyeluruh, malah membantu mencegah pel-bagai penyakit. Oleh itu, pastikan pengambilan air putih menjadi sebahagian daripada rutin harian anda demi kesihatan jangka panjang.

buku baharu


PYANHABIB
YANG
KAMI SAYANGI
penyelenggara
AZALAN HUSSAIN
ANUAR MANSHOR
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI TERENGGANU
Kamaruddin Ismail
Kamahasento
Membina kehidupan yang lebih tenang, bahagia dan bermakna.
PANDUAN MEMAHAMI AL-QURAN
BEGINILAH AL-QURAN MENGAJAR KAMI
DR. MOHAMMAD NIZAM BIN ABDUL KADIR
MANISNYA Beribadat
MEMPERBANYAK IBADAH BUKANLAH SUATU BEBAN
AL-SYAYKH 'ABD AL-HAYY AL-LAKNAWÎ
ELIYAS TAJUDDIN

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2025 Hak Cipta Terpelihara

www.trglib.gov.my

